



# DASAR PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA *2016*

[www.jpssp.n.kpkt.gov.my](http://www.jpssp.n.kpkt.gov.my)

**DASAR  
PENGURUSAN  
SISA PEPEJAL  
NEGARA** *2016*

[www.jpspn.kpkt.gov.my](http://www.jpspn.kpkt.gov.my)

# KANDUNGAN

<b>Kata Pengantar</b>	<b>4</b>
<b>Pengenalan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara</b>	<b>5</b>
<b>Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (Pindaan) 2016</b>	<b>7</b>
<b>Kesimpulan</b>	<b>12</b>
<b>Lampiran</b>	<b>13</b>

# KATA PENGHANTAR

Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara adalah satu langkah penambahbaikan yang strategik dalam mencapai status negara maju dan pengurusan sisa pepejal yang lebih mampan. Sejalan dengan pertumbuhan penduduk dan kepesatan pembangunan dan bandar, perubahan sosio-ekonomi penduduk, kemajuan teknologi dan perubahan persekitaran menuntut persekitaran yang bersih dan sihat.



## Pengenalan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal

Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (DPSPN) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 September 2006 dengan matlamat seperti berikut :

- (i) mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mampan dan diterima masyarakat, yang mementingkan pemeliharaan alam sekitar, pemilihan teknologi yang mampu bayar dan menjamin kesihatan awam; dan
- (ii) melaksanakan pengurusan sisa pepejal berdasarkan *waste management hierarchy* yang memberi keutamaan kepada pengurangan sisa melalui *Reduce, Reuse, Recycle* (3R) rawatan perantaraan dan pelupusan akhir.

DPSP 2006 mempunyai 6 objektif dan 6 teras yang memberi penekanan terhadap pengurangan sisa pepejal melalui 3R, penyediaan undang-undang dan institusi khas pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, penggunaan teknologi dan pendidikan kesedaran yang berterusan. Sehingga kini, hanya Teras 3 di dalam DPSP 2006 yang telah dilaksanakan sepenuhnya. Menerusi pewartaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673), agensi khas pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah diwujudkan bermula pada tahun 2007.

Teras 1 dan Teras 6 merupakan teras yang memberi fokus kepada pengurangan penghasilan sisa pepejal melalui 3R dan perlu dilaksanakan secara berterusan. Hasilnya kadar kitar semula kebangsaan telah berjaya ditingkatkan dari 5% pada tahun 2005 kepada 15% pada tahun 2015 dan yakin sasaran 22% kadar kitar semula menjelang tahun 2020 akan tercapai. Selain itu, program pengasingan sisa pepejal di punca secara mandatori juga telah dilancarkan pada 1 September 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2016. Teras 5 yang merupakan teras bagi menambah baik kemudahan sisa pepejal juga memerlukan tindakan yang berterusan daripada pihak Kerajaan. Kerajaan sedang memberikan fokus untuk menambah baik kemudahan asas pengurusan sisa pepejal iaitu tapak pelupusan dan sedang didalam proses untuk mengambil alih pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal di bawah negeri-

预览已结束，完整报告链接和二维码如下：

[https://www.yunbaogao.cn/report/index/report?reportId=12\\_17](https://www.yunbaogao.cn/report/index/report?reportId=12_17)

